

Nikah tidak sah undang risiko besar kepada pasangan, anak

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali** - Mei 19, 2026 @ 10:47am



Perkahwinan tak patuh syarak, prosedur undang-undang boleh menyebabkan akad terbatal, jejas nasab anak. - Foto hiasan

PERKAHWINAN adalah institusi penting dalam masyarakat yang bukan sahaja diiktiraf oleh undang-undang, malah mempunyai kedudukan yang tinggi dalam hukum syarak.

Namun, masih ada segelintir pihak yang melangsungkan perkahwinan tanpa mematuhi prosedur yang ditetapkan, sehingga menimbulkan pelbagai implikasi serius.

Menurut peguam syarie, Abdul Muhaimin Muhd Aznor, secara asasnya, perkahwinan tidak sah menurut undang-undang merujuk kepada perkahwinan yang dilangsungkan tanpa melalui proses pendaftaran ditetapkan, sekali gus menyebabkan tiada rekod rasmi wujud di pihak berkuasa agama.

Beliau berkata, contoh perkahwinan sedemikian termasuk perkahwinan secara 'kampung' atau perkahwinan di luar negara tanpa didaftarkan.

Kedua-dua senario itu sering berlaku akibat kurang kesedaran atau keinginan mengelak prosedur tertentu.

Dari sudut hukum syarak pula, Abdul Muhaimin berkata, perkahwinan tidak sah merujuk kepada perkahwinan yang tidak memenuhi rukun dan syarat sah nikah, yang mana jika mana-mana rukun tidak dipenuhi, perkahwinan itu terbatal sejak awal.

Sebagai contoh, perkahwinan tanpa wali yang sah atau menggunakan wali yang tidak memenuhi syarat akan menyebabkan akad nikah tidak sah.

"Ini menunjukkan, betapa pentingnya setiap elemen dalam perkahwinan dipatuhi.

"Di Malaysia, kebanyakan perkahwinan yang tidak sah dari sudut syarak berpunca daripada ketidakpatuhan terhadap undang-undang.

"Perkahwinan yang dilakukan secara sendiri meningkatkan risiko berlaku kecacatan dalam rukun nikah.

"Perbezaan antara perkahwinan tidak sah, perkahwinan fasid dan perkahwinan sah adalah jelas dari sudut kesannya. Perkahwinan sah memenuhi semua rukun dan syarat yang ditetapkan.

"Perkahwinan tidak sah pula membabitkan pelanggaran rukun asas seperti ketiadaan wali atau perkahwinan yang dilarang sama sekali dan ia tidak diiktiraf langsung dari awal.

"Perkahwinan fasid adalah perkahwinan yang mempunyai kecacatan tertentu, seperti saksi yang tidak cukup atau tidak memenuhi syarat. Walaupun begitu, ia masih berbeza daripada perkahwinan yang batal sepenuhnya," katanya kepada BH.

Implikasi sangat serius

Abdul Muhaimin menjelaskan, implikasi bagi perkahwinan tidak sah dan fasid sangat serius, antaranya hubungan suami isteri tidak diiktiraf dan pasangan boleh dipisahkan serta anak yang dilahirkan mungkin tidak boleh dinasabkan kepada bapa, melainkan melalui keputusan mahkamah.

Beliau berkata, punca utama perkahwinan tidak sah biasanya daripada kegagalan mematuhi prosedur yang ditetapkan termasuk perkahwinan secara rahsia atau tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Sebagai contoh, katanya pasangan yang bernikah sendiri di luar negara tanpa wali sah atau lafaz yang sempurna berisiko besar untuk perkahwinan mereka dianggap tidak sah.

Beliau berkata, antara rukun yang sering diabaikan ialah wali, dua orang saksi dan lafaz ijab qabul, di mana tiga rukun itu perlu disempurnakan mengikut hukum syarak kerana, setiap rukun mempunyai syarat sah tersendiri untuk dipenuhi.

Katanya, penggunaan wali yang tidak sah, lafaz ijab qabul yang tidak jelas dan penggunaan saksi yang tidak layak akan menyebabkan rukun nikah tidak sempurna, sekali gus membatalkan sesuatu perkahwinan.

"Dari sudut undang-undang, perkahwinan yang tidak sah perlu difaragkan melalui Mahkamah Syariah. Mahkamah akan menilai kes terbabit sebelum membuat keputusan.

"Sebaliknya, perkahwinan yang hanya tidak sah dari sudut undang-undang, seperti tidak didaftarkan, masih boleh disahkan melalui permohonan pengesahan nikah di Mahkamah.

Info: Perkahwinan tidak sah

- Tidak ikut undang-undang (tidak daftar)
- Tidak cukup rukun nikah (wali, saksi, ijab kabul)

Punca utama:

- Nikah kampung/rahsia
- Kahwin luar negara tanpa daftar
- Guna wali tidak sah
- Elak prosedur rasmi

Implikasi serius bagi pasangan

- Dianggap ajnabi (bukan suami isteri)
- Tidak boleh hidup bersama secara sah

Bagi anak dilahirkan

- Status nasab terjejas
- Nama bapa mungkin tidak dapat didaftarkan

Harta dan hak

- Tiada hak harta sepencarian
- Tidak layak pusaka faraid



Indonesia's Aceh flogs four for sex outside marriage

By **Afp** May 21, 2026 @ 6:05pm



A member of the Syariah police watches a man (L) receiving 100 lashes during a public caning in Banda Aceh on May 21, 2026, after being convicted of violating Aceh's Islamic law prohibiting sex outside marriage. AFP PIC

JAKARTA: Islamic officials in Indonesia's staunchly syariah Aceh province publicly flogged two women and two men on Thursday for having sex outside of marriage, an AFP reporter witnessed.

All dressed in white, the four winced and groaned as they received 100 lashes each with a rattan stick in front of dozens of onlookers in a public park in the provincial capital Banda Aceh.

"The women are sex workers, and the men are their customers," Muhammad Rizal, the head of Aceh's Islamic police force, told AFP.

Sex between people not married to each other is outlawed in Aceh, the county's only region to apply a version of Syariah law.

Five other people were also caned Thursday, receiving between nine and 23 lashes each for crimes including being in the proximity of a member of the opposite sex and drinking alcohol.

Caning, though not a legal form of punishment in Indonesia, retains strong support in Aceh to punish a range of offences that also include gambling and gay sex.

In January, Syariah police flogged an unmarried couple 140 times each – likely the severest punishment since 2015, when a stricter form of Islamic law started to be applied in the province that enjoys a special autonomy.

Indonesia is the world's largest Muslim-majority country, but officially recognises six religions as well as indigenous beliefs.

Mudir madrasah didenda RM5,000, 2 anak kena RM2,500 ingkar arahan tarikh mula puasa

Oleh Alias Abd Rani - Mei 7, 2026 @ 1:06pm



Seorang daripada tiga tertuduh dibawa ke Mahkamah Syariah Muar kerana didakwa ingkar arahan pihak berkuasa mengenai pengisytiharan 1 Ramadan. - Foto ihsan JAINJ

MUAR: Seorang mudir sebuah madrasah dan dua anak lelakinya dihadapkan ke Mahkamah Syariah di sini, atas pertuduhan mengingkari arahan pihak berkuasa berkaitan pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengenai tarikh permulaan puasa 1 Ramadan.

Mereka ialah Ambiah Bunanjin, 68; anaknya, Abdul Qodir Jailani, 29, dan Muhammad Idris, 25, mengaku bersalah sebaik pertuduhan dikemukakan di hadapan Hakim Syarie, Mohamad Fadzil Esa.

Ambiah berhadapan dua pertuduhan kemudian didenda RM5,000 manakala Abdul Qodir Jailani dan Muhammad Idris masing-masing satu pertuduhan, didenda RM2,500 seorang.

Mahkamah juga memerintahkan Ambiah menjalani hukuman penjara dua tahun dan Abdul Qodir Jailani dan Muhammad Idris setahun, sekiranya mereka gagal menjelaskan denda dikenakan terhadapnya.

Mengikut pertuduhan pertama dan kedua, Ambiah didakwa mengingkari pihak berkuasa agama dengan mengetuai upacara melihat anak bulan serta enggan mengikuti arahan untuk berpuasa pada tarikh ditetapkan 19 Februari lalu (1 Ramadan).

Kedua-dua kesalahan itu dilakukan di pantai Parit Penyengat, di sini dan madrasah tertuduh dalam daerah ini pada 18 dan 19 Februari lalu.

Kesalahan itu dilakukan mengikut Seksyen 9 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Johor 1997 yang boleh dipenjara sehingga RM3,000 atau dua tahun penjara atau kedua-duanya bagi setiap pertuduhan dikenakan.

Sementara itu, Abdul Qodir Jailani yang juga tenaga pengajar madrasah itu dan Muhammad Idris, dituduh mengikut Seksyen 43 (A) enakmen sama kerana bersubahat dengan bapanya menyebarkan kenyataan mengenai permulaan puasa.

Berdasarkan fakta kes, penguatkuasa Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAINJ) mendapat maklumat mengenai terdapat beberapa individu mula berpuasa pada 20 Februari (2 Ramadan) selepas melihat sendiri anak bulan pada 18 Februari lalu.

Siasatan dijalankan mendapati, Ambiah serta beberapa orang anak muridnya serta orang awam pergi pantai Parit Penyengat di sini pada 18 Februari dan mereka mula berpuasa pada 2 Ramadan (20 Februari).

Tertuduh mendakwa anak bulan tidak kelihatan dan memberitahu supaya mula berpuasa pada tarikh berkenaan.

Muhammad Idris yang bertindak sebagai pengendali kumpulan WhatsApp kemudiannya menyebarkan mesej itu kepada ahlinya yang terdiri 72 orang serta turut dikongsi orang awam sehinggalah penguatkuasa JAINJ menerima aduan itu.

Susulan itu, penguatkuasa JAINJ menahan tertuduh serta dua pengikutnya bagi membantu siasatan.

Pendakwaan dikendalikan Pendakwa Syarie, Muhammad Lutfi Md Latif dan Azry Ismail Hassan manakala kesemua tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, Mohamad Fadzil dalam penghakiman berkata, kesalahan itu adalah berat yang tidak sepatutnya berlaku di negeri ini yang mempunyai sultan sebagai ketua agama.

"Jangan cuba mengada-adakan hukum sendiri dengan membelakangi mufti dan Sultan. Tertuduh sepatutnya mematuhi pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja mengenai permulaan 1 Ramadan," katanya.

Pada masa sama, mahkamah meminta supaya madrasah terbabit diletakkan di bawah pemantauan ketat JAINJ sesuai dengan prosedur dan ketetapan oleh jabatan itu.

Selain itu, mahkamah juga memerintahkan tiga beranak itu diberi bimbingan serta pemulihan termasuk pengikut dan pentadbiran madrasah.

Lima lelaki didenda RM1,000 berzikir di kubur

06 Mei 2026 06:46pm

Masa membaca: 2 minit



Lima lelaki masing-masing didenda RM1,000 selepas mengaku bersalah melakukan bidaah dan furu' di Mahkamah Rendah Syariah Sandakan.

SANDAKAN - Lima lelaki masing-masing didenda RM1,000 di Mahkamah Rendah Syariah, di sini, selepas mengaku bersalah melakukan bida'ah dan furu' dengan berzikir di kawasan perkuburan pada waktu malam Disember tahun lalu.

Kesemua tertuduh berusia antara 35 hingga 45 tahun membuat pengakuan bersalah itu selepas pertuduhan dibacakan terhadap mereka di hadapan Hakim Khalid Suahid, pada Rabu.

Menurut pertuduhan, kesemua tertuduh didakwa melakukan kesalahan di bawah Seksyen 102 dibaca bersama Seksyen 65(1) Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sabah 1995, yang memperuntukkan tindakan terhadap amalan bida'ah dan perkara berkaitan furu'.

Jika sabit kesalahan boleh didenda RM1,000 atau dua bulan penjara sekiranya gagal membayar denda tersebut.

Pendakwaan dikendalikan oleh Penolong Pendakwa Syarie, Mohd Nadzrie Ag Jaynudin dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).

Sementara itu, siasatan dijalankan oleh Unit Penguatkuasa Agama JHEAINS yang diketuai Pegawai Tadbir JHEAINS Sandakan, Ustaz Rahmin Arman serta Pegawai Penguatkuasa Agama (Operasi), Ustaz Sabli Ali.

Kesemua tertuduh membayar denda yang ditetapkan dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan berkenaan.

Dalam kejadian Disember tahun lalu tular video sekumpulan individu berzikir di kawasan tanah perkuburan pada waktu tengah malam sehingga mencetuskan pelbagai reaksi awam.